

## ARAK: IBU SEGALA MAKSIAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ  
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلْ  
فَلَا هَادِيَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِكَ  
وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Allah Subhanahu wa Taala telah berfirman dalam Surah al-Maidah ayat 90:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ

رَجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

**Yang bermaksud:** “Wahai orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan bertenung nasib dengan anak-

*anak panah adalah perkara keji yang termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu berjaya.”*

Ayat yang dibacakan sebentar tadi merupakan petunjuk yang jelas daripada Allah Subhanahu wa Taala betapa Islam amat mengeji minuman keras atau arak. Islam mengharamkan kita minum minuman yang memabukkan sama ada arak yang dibuat daripada perahan anggur atau selainnya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ

**Yang bermaksud:** *“Semua minuman yang memabukkan adalah haram.”*

Arak adalah ibu segala kejahatan. Orang yang minum arak akan tertutup jalan kebenarannya kerana lazimnya ia akan mabuk, hilang akal, lupa diri dan lupa kepada Allah Subhanahu wa Taala.

Sebab itulah Islam mengharamkan kita minum arak sama ada dalam kuantiti yang banyak atau sedikit. Malah, minum arak merupakan suatu jenayah syariah yang peminumnya boleh dikenakan sebatan sebanyak 40 kali atau 80 kali sebagaimana

hukuman yang dilaksanakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat.

Bagi negeri Pahang Darul Makmur, mengikut Seksyen 27 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013, orang yang minum minuman memabukkan boleh didenda tidak melebihi ringgit Malaysia lima ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'i:

اجْتَنِبُوا الْخَمْرَ فَإِنَّهَا أُمُّ الْخَبَائِثِ

**Yang bermaksud:** *“Jauhilah arak kerana ia merupakan ibu segala kejahatan.”*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Arak telah terbukti menjadi punca kepada pelbagai masalah. Terdapat begitu banyak kes kemalangan jalan raya yang berlaku di seluruh dunia angkara pemandu mabuk. Pemabuk juga cenderung mencederakan orang lain, membuat kacau, memusnahkan harta

benda, merogol, mencuri malah ada yang sampai ke tahap membunuh. Solat seorang peminum arak juga tidak diterima oleh Allah Subhanahu wa Taala selama 40 malam sepertimana dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud: *“Sesiapa yang meminum arak, maka ibadah solatnya tidak diterima selama 40 malam. Jika dia bertaubat, maka Allah menerima taubatnya. Jika dia mengulanginya lagi, maka menjadi hak Allah Taala untuk memberinya minum air nanah penghuni neraka.”*

Selain itu, Islam mengutuk dan melaknat semua golongan yang terlibat dengan arak. Melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi dan Imam Ibnu Majah, Anas bin Malik menyatakan:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ فِي الْخَمْرِ عَشْرَةَ عَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَشَارِبَهَا وَحَامِلَهَا  
وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا وَآكِلَ ثَمَنِهَا وَالْمُشْتَرِيَ لَهَا وَالْمُشْتَرَاةَ لَهُ

**Yang bermaksud:** *“Rasulullah melaknat tentang arak, sepuluh golongan: pemerahnya, yang minta diperahkan untuknya, peminumnya, pembawanya, yang minta dibawa, penuangnya, penjualnya, yang makan harganya, pembelinya dan yang minta dibelikannya.”*

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan isu penjualan dan promosi produk arak ‘tanpa alkohol’ oleh sebuah syarikat arak. Meskipun ia tidak mengandungi alkohol, ia tetap arak yang haram diminum kerana proses pembuatannya adalah proses pembuatan arak. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi dalam sebuah hadis riwayat Imam Ibnu Majah:

**كُلُّ مُسْكِرٍ، خَمْرٌ، وَكُلُّ خَمْرٍ، حَرَامٌ**

**Yang bermaksud :** “ *Setiap yang memabukkan itu adalah arak, dan setiap arak itu adalah haram.*”

Produk tersebut dijual di kedai serbaneka. Penggunaan istilah arak tanpa alkohol boleh mengelirukan umat Islam sedangkan ia adalah arak sebenar. Mungkin akan ada yang menyangka bahawa ia halal untuk diminum. Dalam isu ini, kita perlu bertegas dengan membantah sekeras-kerasnya dan tidak sekali-kali membenarkan arak dijual secara terbuka. Dengan status negara kita sebagai negara Islam, sepatutnya pihak yang berani mempromosikan arak secara terbuka perlu dikenakan hukuman

yang berat. Mereka bukan sahaja berani mengelirukan umat Islam, bahkan juga sepatutnya boleh didakwa kerana seolah-olah menghina Islam secara halus.

Oleh yang demikian, khatib ingin berpesan agar kita sentiasa peka dalam isu-isu sebegini dengan sentiasa menambah kefahaman dalam soal halal dan haram. Arak bukan suatu masalah kecil, ia merupakan ibu segala maksiat. Jangan sesekali meneguk minuman syaitan ini. Elakkan diri daripada terlibat dengan sebarang urusan berkaitan arak. Moga-moga generasi umat Islam dijauhkan dari segala unsur negatif dan fitnah akhir zaman. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Al-Maidah ayat 91:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ

وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

**Yang bermaksud:** “*Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu, dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu*

*daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan solat. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu)?”*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنْ  
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ  
الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ  
هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.